

BAB KEDUA

BUKTI-BUKTI KEWUJUDAN PELACURAN DI KELANTAN

Definisi

Berbagai-bagai definisi telah dibuat berkenaan dengan pelacuran. *The International Encyclopedia of the Social Sciences*¹ umpamanya mendefinisikan pelacuran sebagai “the granting of sexual access on a relatively indiscriminate basis for payment either in money or in goods depending on the complexity of the local economic system.”

Jenifer James,² pula berpendapat bahawa pelacuran adalah “... any sexual exchange where the reward for the prostitute is neither sexual nor affectional.” Joseph Julian,³ pula memberikan definisi yang berbeza terhadap pelacuran. Menurut beliau pelacuran itu ialah “...sexual intercourse on a promiscuous and mercenary basis, with no emotional attachment.” Tambah beliau lagi seseorang pelacur itu “...sell sexual favors, to anyone who will pay, as a way of making a living.”

Sementara itu Charles Winnick dan Paul Mc Kirsie,⁴ pula mendefinisikan pelacuran sebagai “...the granting of non-marital sexual access, established by mutual

¹ David L. Sills, The International Encyclopedia of the Social Sciences, Vol. 12, The Mac Millan Company and Free Press, United States of America, 1968, hlm. 592.

² Jenifer James, “Prostitutes and Prostitution” dalam Edward Sagarin and Fred Montanino (ed.), Deviants: Voluntary Actors in a Hostile World, General Learning Press, Morristown, New Jersey, 1977, hlm. 369.

³ Joseph Julian, Social Problem: Sexual Deviance, Meredith Corporation, New York, 1973, hlm. 239.

⁴ Charles Winnick and Paul Mc Kirsie, The Lively Commerce: Prostitution in the United States, Quadrangle Books, Chicago, 1971, hlm. 3.

agreement of the women, her client and or her employer, for remuneration which provides part or all of her livelihood.”

Abdul Hadi Zakaria pula,⁵ memberi tiga aspek penting dalam pendefinisian pelacuran, iaitu dari segi sewaan; dari segi perkhidmatan seksual (sexual), yakni yang dapat memberi kepentingan seksual kepada pelanggan (bukan suami) dan dari segi pembayaran jenis wang. Menurut beliau ketiga-tiga aspek ini, adalah tunjang pelacuran.

Sementara sistem perundangan yang terdapat di Malaysia,⁶ mendefinisikan pelacuran sebagai “Perbuatan seseorang perempuan menawarkan tubuhnya untuk perhubungan jenis secara sembarangan kerana sewa samada berupa wang atau barang, dan pelacur hendaklah ditakrifkan dengan sewajarnya”.

Daripada definisi-definisi ini dapat disimpulkan bahawa sesuatu keadaan itu bersifat pelacuran apabila wujudnya beberapa elemen. Elemen-elemen itu ialah perhubungan jenis mestilah dilakukan iaitu wanita membuat hubungan seks secara haram dengan lelaki yang bukan muhrim. Perlakuan seksual ini pula tidak melibatkan emosi atau kasih sayang walau bagaimanapun perhubungan tersebut berdasarkan persetujuan bersama dan bukan paksaan. Hasil perhubungan tersebut, wanita memperolehi pembayaran atau upah samada dalam bentuk wang atau barang dan menjadi sumber pendapatan atau mata pencariannya. Namun secara ringkasnya dapat dikatakan bahawa

⁵ Abdul Hadi Zakaria, Pelacur dan Pelacuran di Malaysia, Utusan Publication and Distributors, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 25-28.

⁶ Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Akta 106), 1973, hlm. 6.

seseorang pelacur itu ialah perempuan yang menjual batang tubuhnya melalui perhubungan jenis, kerana inginkan sesuatu bayaran atau ganjaran di sebalik itu.

Sejarah pelacuran di Tanah Melayu

Fenomena kegiatan pelacuran telah lama wujud di kalangan masyarakat. Ia merupakan satu daripada ‘the oldest profession’.⁷ Di Tanah Melayu, penglibatan wanita Melayu di dalam dunia pelacuran telah wujud sejak dahulu lagi iaitu sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu. Bagaimana pun keadaan ini tidak begitu jelas dan bilangannya juga sedikit. Secara umumnya, wanita Melayu yang terlibat di dalam pelacuran pada masa itu adalah terdiri daripada golongan hamba, gundik, orang gaji dan pengikut perempuan raja atau pembesar Melayu.⁸ Ini menunjukkan bahawa wanita Melayu pada masa itu telah dijadikan alat untuk memenuhi keinginan batiniah kaum lelaki yang terdiri daripada golongan atasan atau dengan perkataan lain mereka berkhidmat untuk raja dan pembesar dan ianya seperti menjadi satu adat di kalangan golongan pemerintah.

Namun begitu pada abad ke dua puluh keadaan agak berbeza. Keterlibatan wanita Melayu di dalam dunia pelacuran tidak lagi terdiri daripada golongan atasan dan khidmatnya juga tidak terbatas kepada golongan tertentu sahaja. Penglibatan wanita Melayu di dalam dunia pelacuran pada masa ini lebih bersifat komersil. Keadaan sudah

⁷ Abdul Hadi Zakaria, op.cit., hlm. 29-30.

⁸ J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 166-167.

berubah iaitu mereka mula memberikan layanan dan perkhidmatan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira keturunan, bangsa atau darjat asalkan pelanggan mereka sanggup membayar perkhidmatan mereka.

Pada masa tersebut jika diperhatikan banyak rumah pelacuran telah dibuka terutama di Negeri-negeri Selat. Di Singapura umpamanya antara kawasan yang menjadi sarang pelacuran ialah di Malay Street, Bugis Street, Hylam Street serta Malabar Street. Di Pulau Pinang pula kawasan yang menjadi tumpuan ialah di Kimbley Street, Kuala Kangsar Road, Station Road dan Market Street.⁹ Kegiatan pelacuran dijalankan dengan begitu meluas sekali terutama di kalangan pelacur-pelacur berbangsa China dan Jepun yang dikenali sebagai Ah Ku dan Karayuki-San.¹⁰ Pelacur-pelacur ini dibawa ke Negeri-negeri Selat dari China dan Jepun. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan pekerja-pekerja yang datang ke Negeri-negeri Selat adalah terdiri daripada kaum lelaki yang belum berkahwin dan bagi yang sudah berkahwin mereka selalunya tidak membawa bersama isteri mereka kerana pendapatan mereka yang menyebabkan mereka tidak berupaya untuk menyara isteri mereka. Oleh itu untuk memenuhi keperluan batiniah, mereka selalunya mencari pelacur. Di samping itu, Negeri-negeri Selat adalah merupakan sebuah bandar pelabuhan dan menjadi tempat kapal-kapal berlabuh dengan itu, ia menjadi tumpuan kepada kelasi-kelasi yang inginkan hiburan.

⁹ Lihat James Francis Warren, "Prostitution in Singapore Society and Ah Ku," dalam Peter J. Rimmers and Lisa M. Allen (ed.), The Underside of Malayan History. Pullers, Prostitutes, Plantation Workers, Singapore University Press, Singapore, 1990, hlm. 42.

¹⁰ Keterangan lanjut sila lihat James Francis Warren, Ah Ku and Karayuki-San: Prostitution in Singapore 1870-1940, Oxford University Press, Singapore, 1993, hlm. 3.

Foreign tourist soldiers and especially Japanese sailors also sought their sexual favors as well as visiting the unregistered haunts of Malay and Eurasian women seated in the sidelines and alleys at the city.¹¹

Keadaan pelacuran di Kelantan.

Di Kelantan, pengamatan oleh Abdullah Munshi tentang kegiatan pelacuran ketika beliau membuat pelayaran ke negeri tersebut pada tahun 1838 merupakan rujukan pertama mengenai hal tersebut. Sebelum Abdullah, tulisan Melayu yang lain tidak pernah memperkatakan mengenai kegiatan pelacuran. Abdullah telah menamakan perempuan yang dimaksudkan sebagai pelacur itu dengan istilah “Perempuan Jalang”. Menurut beliau, bilangan pelacur itu ramai. Apabila kapal dagang datang, mereka akan menghampiri kapal tersebut dengan perahunya terutama di waktu petang hari. Dengan perantaraan “Pinang Muda” atau ibu ayam, pelanggan-pelanggan dapat menemui pelacur-pelacur yang dipilihnya. Kebanyakan perempuan itu berkembang sahaja dan keadaannya dihiasi pula dengan karangan bunga yang mengikut Abdullah terlalu indah perbuatannya untuk memikat hati pelanggan. Dari gambaran yang dibuat oleh Abdullah, nyata di Kelantan pada abad ke sembilan belas pelacuran telah pun wujud dan kegiatan tersebut dilakukan secara terbuka.¹²

¹¹ James Francis Warren, “Prostitution in Singapore Society and Ah Ku”, hlm. 172.

¹² Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Kesah Pelayaran Abdullah, Malaya Publishing House Limited, Singapore, 1928, hlm. 78.

Pelacuran di Kelantan dikenali dengan pelbagai istilah. Abdullah Munshi, misalnya menamakan pelacur sebagai *perempuan jalang*.¹³ Sementara Tok Kenali pula menggunakan istilah *sundal* bagi merujuk kepada pelacur.¹⁴ Mereka juga dikenali sebagai *perempuan jahat*.¹⁵ Selain itu juga ada yang memanggil pelacur sebagai *orang kaki lima* atau *orang mencari duit* dan dalam konteks yang lebih moden istilah *pelacur* digunakan.¹⁶ Walau bagaimanapun gelaran *orang bujang* lebih ketara digunakan di Kelantan.¹⁷

Kepelbagaiannya di atas menggambarkan bahawa wujudnya pelbagai persepsi masyarakat mengenai gelaran ke atas pelacur. Istilah *perempuan jalang* terlalu kasar bunganya. Ini bersesuaian dengan latarbelakang Abdullah Munshi sebagai orang asing yang baru datang ke Kelantan. Hal yang sama dapat diperhatikan mengenai penggunaan istilah *sundal*. Sebagai seorang ulama Tok Kenali melihat kegiatan pelacuran sebagai menyalahi agama dan sewajarnya beliau memanggil pelacur dengan gelaran yang kasar. Penggunaan beberapa istilah lain seperti *perempuan jahat*, *orang kaki*

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Menurut beliau persundalan bermaksud berkasih-kasihan dan berkendak atas jalan yang sehabis hina pada sisi Tuhan dan manusia. Tok Kenali, "Persundalan" Pengasuh, dalam Surat Persendirian Za'ba, SP18/1B/188, 30/12/21, hlm. 4-5.

¹⁵ Berdasarkan catatan kes-kes tangkapan oleh MAIK dan peruntukan undang-undang bersabit kegiatan pelacuran dan keruntuhan moral.

¹⁶ Hasil temubual penulis dengan salah seorang pelanggan pelacuran yang berumur 78 tahun dan mula menjadi pelanggan sejak muda lagi. Ditemubual pada 21hb. November, 1996 di Kota Bharu. Untuk keterangan lanjut, sila lihat bab ke tiga di bawah tajuk pelanggan.

¹⁷ Di Kelantan, istilah bujang mempunyai dua pengertian. Pertama, merujuk kepada perempuan yang telah diceraikan atau janda. Kedua, merujuk kepada pelacur. Menurut Rosemary "...It is from the ranks of the bujang-generally young divorcees-that the semi-professional prostitutes are drawn. Some bujang seem to lead chaste lives, others have merely occasional intrigues; others, again, live mainly on men, getting 50 cents, \$1 or even \$2 or \$3 for a night with a men." Lihat Rosemary Firth, House Keeping Among Malay Peasant, The Athlone, University of London, 1966, hlm. 45.

lima, orang mencari duit dan orang bujang didapati lebih banyak digunakan di Kelantan berbanding kedua-dua istilah yang terdahulu. Walaupun pelbagai istilah yang digunakan namun yang pastinya semua daripada istilah tersebut mempunyai maksud yang sama dengan pelacur.

Selain wujudnya istilah-istilah di atas seseorang itu akan dilabelkan sebagai “perempuan jahat” sekiranya mempunyai salah satu daripada kriteria ini. Pertama, berada di luar rumah selepas pukul dua belas malam. Kedua, bergurau senda dengan lelaki bukan muhrim. Ketiga, berada di dalam kedai kopi dan keempat menumpang menginap atau berhenti di rumah tumpangan atau hotel sedangkan di kawasan berhampiran mempunyai rumah kediaman.¹⁸

Selain Abdullah Munshi, persoalan berkenaan pelacuran turut dinyatakan oleh Tok Kenali.¹⁹ Beliau telah mengupas isu ini di dalam majalah *Pengasuh* dengan tajuk “Persundalan”. Tok Kenali telah mengemukakan pandangannya mengenai sebab-sebab berkembang biaknya pelacuran di Kelantan serta mengemukakan beberapa saran supaya permasalahan ini dapat dibendung.

Menurut beliau sebab-sebab berkembang biaknya pelacuran di Kelantan ialah kerana kejahilan.²⁰ Kejahilan berpunca daripada ketiadaan pelajaran. Daripada

¹⁸ Penulis mendapat maklumat ini berdasarkan fail MAIK, namun begitu penulis terlupa mencatatkan nombor fail.

¹⁹ Tok Kenali dilahirkan pada tahun 1868. Setelah mendapat pelajaran asas dalam bidang Agama Islam di Kota Bharu, beliau berangkat ke Mekah pada tahun 1886 dan mempelajari Agama Islam di sana selama 17 tahun. Beliau melawat ke Mesir dan belajar di sana selama 5 tahun iaitu dari tahun 1903-1908. Setelah kembali ke negeri Kelantan beliau membuka pondok di Kubang Krian, empat batu dari Kota Bharu pada tahun 1910. Untuk riwayat hidup Tok Kenali, lihat Abdullah Al-Kari Haji Salleh, Sejarah Hidup Tok Kenali, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1967.

²⁰ Tok Kenali, op.cit., hlm. 4.

keadaan ini maka terbitlah beberapa perkara lain seperti ketiadaan didikan daripada ibu bapa ketika di peringkat anak-anak, kekosongan pelajaran agama, ketiadaan kawalan daripada orang tua, ibu-bapa dan saudara-mara mengenai pergaulan lelaki perempuan, walaupun mempunyai hubungan kekeluargaan, tiada tanggung jawab ketua keluarga, berkahwin pada usia terlalu muda dan kelemahan pihak berkuasa serta ketiadaan majlis ulama atau orang alim.

Tok Kenali telah mengemukakan beberapa saranan supaya permasalahan ini dapat dibendung. Beliau telah menyarankan supaya memberi pendidikan agama dengan mengadakan madrasah agama kerajaan. Murid-muridnya hendaklah diambil daripada tiap-tiap mukim atau jajahan dan diberi bantuan kewangan sebagaimana pelajar yang menuntut di sekolah Inggeris. Apabila tamat nanti mereka hendaklah dihantar ke kampung menjadi “inspektor” atau sebagainya untuk membanteras kegiatan tidak bermoral.²¹

Selain itu beliau telah menyarankan supaya diadakan laporan tahunan dari tiap-tiap negeri atau jajahan berkenaan dengan mencatatkan bilangan perkahwinan dan perceraian. Sekiranya banyak perceraian di dalam satu-satu negeri atau jajahan itu maka kadi yang bertugas bersabit perkara tersebut dikehendaki memberitahu sebab-sebabnya. Sekiranya ia berpunca daripada “persundulan” maka pihak berkuasa perlulah memikirkan cara lain untuk mengatasinya.²²

²¹ Ibid., hlm. 5.

²² Ibid.

Berdasarkan kenyataan di atas, menunjukkan bahawa selaku ulama Tok Kenali amat mementingkan soal pendidikan agama ke atas kanak-kanak. Menurut beliau persoalan ini perlu ditangani oleh kerajaan. Beliau juga melihat persoalan perkahwinan dan perceraian sebagai persoalan yang besar sehingga beliau telah menyarankan pihak kerajaan supaya membuat laporan. Beliau melihat institusi perkahwinan sebagai satu elemen penting kerana melalui perkahwinan akan melahirkan zuriat. Selain itu peranan keluarga juga ditekankan kerana keterabaian tanggungjawab ini merupakan salah satu sebab yang menjerumuskan ke lembah keruntuhan moral.

Selain itu, Dato' Mufti Kerajaan Kelantan, iaitu Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Yusoff yang bertugas dari tahun 1928 hingga 1941²³ juga perihatin tentang masalah pelacuran. Menurut beliau di dalam bandar Kota Bharu misalnya, terdapat ramai pelacur. Beliau mendapat maklumat itu melalui surat rayuan yang diterima dan hasil siasatan beliau sendiri. Menurut beliau,

...perempuan-perempuan sundal di dalam bandar
Kota Bharu ini sangat banyak bagaimana surat-
surat yang telah sampai rayu hal kepada saya
tambahan pula telah saya siasat akan perkara
ini, maka didapati betul bagaimana di dalam
surat-surat rayu hal kepada saya itu...²⁴

²³ Dato' Haji Ibrahim dilahirkan pada tahun 1288 Hijrah atau 1871 Masehi di Kampung Banggul, Kota Bharu. Semasa mudanya belajar di Pondok Tuan Guru Haji Abdul Malek Sungai Pinang, kemudian melanjutkan pelajaran ke Mekah dan Madinah dan berguru dengan puluhan ulama ternama. Beliau dilantik memegang jawatan mufti pada awal Mac 1928, sewaktu berusia 57 tahun. Untuk riwayat hidup Haji Ibrahim, lihat Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan", dalam Warisan Kelantan Xii, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1994, hlm. 63-65.

²⁴ SUK, 978/37, "Perempuan-perempuan sundal dalam bandar Kota Bharu", hlm. 1. Lihat juga MAIK, 128/37, hlm. 1.

Sebagai langkah membasmi kegiatan tersebut, beliau telah menyarankan supaya pihak Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bertindak dan pihak polis bolehlah diminta untuk membantu. Menurut Dato' Mufti lagi, pihak polis bersedia untuk memberi kerjasama menangkap "Perempuan Sundal". Ini berdasarkan pengakuan yang diberikan oleh 'Tuan Commisioner' polis sewaktu berunding dengan beliau.²⁵

Daripada kenyataan di atas jelasnya mufti tidak berlepas tangan dalam usaha mengatasi masalah pelacuran. Buktinya beliau mengambilkira tentang surat rayuan orang ramai dengan melakukan sendiri siasatan. Hasil daripada siasatan tersebut beliau telah mengesahkan bahawa sememangnya wujud kegiatan pelacuran di jajahan Kota Bharu. Beliau juga telah menyarankan kepada dua badan kerajaan supaya bertindak. Ini jelas apabila beliau mengeluarkan arahan kepada pihak MAIK dan polis supaya saling bekerjasama untuk membasmi kegiatan tersebut.

Selain itu undang-undang mencegah pelacuran yang meliputi notis-notis, pemberitahu dan cadangan Kerajaan Kelantan²⁶ juga dapat dijadikan bukti tentang kewujudan pelacuran di Kelantan. Permasalahan ini cuba ditangani oleh kerajaan dengan mengadakan undang-undang khusus bersabit dengan kegiatan tidak bermoral khususnya pelacuran. Notis Nombor 26 tahun 1916²⁷ umpamanya, telah memperuntukkan perkara yang berkenaan dengan laki-laki dan perempuan jahat. Kerajaan Kelantan juga telah

²⁵ Ibid. Lihat juga MAIK, 406/37, "Perempuan-perempuan sundal di dalam bandar Kota Bharu."

²⁶ Undang-undang mencegah pelacuran akan dibincangkan lebih lanjut di dalam bab ke enam.

²⁷ Lihat MAIK, 84/32, "Khalwat dan persundalan yang ditegah oleh syariah hendak dijalankan kuasa majlis mengikut kelulusan notis dan undang-undang", hlm. 1.

mengadakan notis khusus berkenaan hukuman yang patut dijatuhkan ke atas perempuan jahat dan orang-orang yang menjadi barua (ibu ayam/bapa ayam). Notis Kerajaan Nombor 3 tahun 1919,²⁸ misalnya menyebut hal tersebut. Kedua-dua notis tersebut jelas membuktikan tentang keprihatinan kerajaan Kelantan di dalam membanteras sebarang gejala keruntuhan moral, khususnya pelacuran.

Kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan juga dapat diketahui dengan adanya fail-fail MAIK yang merekodkan penangkapan pelacur. Di Kota Bharu²⁹ misalnya, dalam tahun 1916, terdapat seramai 44 orang pelacur, dalam tahun 1917, seramai 45 orang, dalam tahun 1923 seramai 26 orang dan dalam tahun 1937 seramai 34 orang. Jumlah yang disebutkan ini bukanlah mewakili jumlah pelacur yang terdapat di sekitar Kota Bharu yang dipercayai lebih ramai lagi. Sebaliknya jumlah tersebut diperolehi hasil tangkapan yang dilakukan oleh MAIK.

Selain menangkap pelacur MAIK juga turut melakukan tangkapan ke atas ibu atau bapa ayam. Ibu atau bapa ayam merupakan orang perantaraan di dalam kegiatan pelacuran. Mereka bertindak sebagai orang yang mencari pelanggan, menyediakan tempat pelacuran dan mengutip duit pelacur dari pelanggan. Ia adalah satu kerja sepenuh masa atau sambilan. Kadang-kadang mereka mempunyai perniagaan lain yang lebih tetap.³⁰ Pada tahun 1916 terdapat seramai lapan orang ibu atau bapa ayam yang masyhur

²⁸ MAIK, 262/22, "Minta hukuman hendak dijalankan di atas seorang yang bernama Saleh bin Midin Kampung Kelubi yang telah melakukan pekerjaan barua perempuan jahat di dalam bandar Pasir Putih", hlm. 10.

²⁹ Berkenaan bilangan pelacur yang ditangkap akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab ke tiga.

³⁰ Bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan ibu atau bapa ayam akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab ke tiga.

telah ditangkap di sekitar bandar Kota Bharu. Jadual (2.1) di bawah menunjukkan senarai nama dan tempat kegiatan ibu atau bapa ayam bagi tahun 1916.

Jadual (2.1)
**Senarai nama dan kedudukan barua (ibu atau bapa ayam) yang masyhur
di Kota Bharu bagi tahun 1916.³¹**

Bil.	Nama masing-masing	Kedudukan (tempat kegiatan)	Kampung tempat (asal)
1	Hitam bini Awang	Lorong Putera	Kota Bharu
2	Mak Som Bongkok	Kampong Tengku Temenggung	Kota Bharu
3	Hitam	duduk di Langgar	Kota Bharu
4	Mek Jah	duduk di hadapan Lorong Syed Hussain.	Kota Bharu
5	Mek Mas bini Mat Hassan		Kota Bharu
6	Awa bini Yaakob		Kota Bharu
7	Mek Teh Dekor	Paloh	Tidak berjumpa
8	Hitam mak Pak Teh	Paloh	Tidak berjumpa

Jadual (2.1) menunjukkan selain kewujudan pelacur, dikesani juga kewujudan kegiatan ibu atau bapa ayam dalam kegiatan ini. Pada tahun 1916 misalnya terdapat seramai lapan orang ibu atau bapa ayam di lima kawasan di sekitar bandar Kota Bharu. Ini bermakna daripada 44 orang pelacur yang ditangkap pada tahun tersebut mereka telah dibela oleh ibu atau bapa ayam ini. Jelasnya telah wujud orang perantaraan dalam kegiatan pelacuran. Hal ini sekaligus telah membuktikan kebenaran kenyataan Abdullah Munshi yang menggambarkan kewujudan “Pinang Muda” di pelabuhan. Hasil daripada tangkapan tersebut, senarai nama mereka yang terlibat di dalam kegiatan

³¹ Lihat MAIK, 135/16, “Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titahnya minta diberhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya”.

pelacuran seperti pelacur dan ibu atau bapa ayam dicatat dan direkodkan. Selain itu kenyataan-kenyataan mereka turut diambil sebagai bukti.³²

Bandar Kota Bharu menjadi tumpuan kerana beberapa fungsi penting. Dari segi sejarah, bandar ini pada permulaannya merupakan sebuah bandar kecil lagi sempit kawasannya, mungkin didiami oleh antara 3,000 hingga 5,000 orang sahaja.³³ Walau bagaimanapun pada tahun 1921 Kota Bharu mempunyai penduduk Melayu yang paling ramai iaitu berjumlah 186,595 orang.³⁴ Selain itu bandar kota Bharu juga merupakan jajahan paling padat penduduk.³⁵ Sementara itu kawasan penting dan agak penuh sesak ialah kawasan hilir bandar Kota Bharu yang lebih dikenali dengan nama Kampung Masjid dan Kubang Pasu atau Balik Hilir dan kawasan hulu yang meliputi Jalan Haji Cik Su (Kampung Gajah Mati) dan Jalan Tok Hakim sekarang ini.³⁶ Kebanyakan penduduk menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan dan mereka kebanyakannya tinggal berkelompok-kelompok di kampung-kampung di sepanjang sungai Kelantan.³⁷

³² Kenyataan atau pengakuan pelacur akan dibincangkan di dalam bab ke empat. Lihat juga lampiran (4.1). Sementara kenyataan ibu atau bapa ayam akan dibincangkan di dalam bab ketiga dan dapat dirujuk di dalam lampiran (3.7).

³³ Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya", dalam Warisan Kelantan iii, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1984, hlm. 93.

³⁴ Sila lihat J. E. Nathan, The Census of British Malaya 1921, Waterlow and Sons Limited, London, 1922, hlm. 32.

³⁵ Chan Siew Kui, "Sejarah Perkembangan Perusahaan Getah di Negeri Kelantan 1900-1941", Tesis B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1986/87, hlm. 3.

³⁶ Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya," hlm. 93.

³⁷ Sila lihat halaman 22 dalam bab pertama.

Kota Bharu menjadi bertambah penting dengan peranannya sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran. Oleh yang demikian terdapat banyak kemudahan di sini antaranya ialah pejabat-pejabat,³⁸ bangunan-bangunan kedai,³⁹ serta pusat perniagaan dan pasar Kota Bharu.⁴⁰ Selain itu terdapat kota-kota istana di sekitar bandar Kota Bharu.⁴¹ Bandar Kota Bharu juga dapat dihubungi kerana adanya kemudahan infrastruktur ke bandar-bandar lain. Ia menjadi pusat tumpuan jalanraya. Pada tahun 1907, pembinaan jalanraya ini semakin meningkat maju yang mana pada tahun itu Kota Bharu telah dihubungi oleh Tumpat sejauh lapan batu dan jalanraya menghala ke Banggol dari Kota Bharu sudah pun siap sejauh empat batu manakala jalanraya antara Kota Bharu dengan Pasir Putih sudah pun siap dibina sejauh enam batu.⁴²

³⁸ Antara tahun 1909-1941 terdapat Pejabat Jajahan, Pejabat Tanah dan Bandar, Pejabat Pos dan Telegraf, Mahkamah, Ibu Pejabat Polis Kelantan, Jabatan Kerja Raya dan Hospital Besar. Sila lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya," hlm. 102.

³⁹ Bangunan-bangunan kedai terutama sekali di Jalan Sultanah Zainab, Jalan Tok Hakim, Jalan Temenggong, Jalan Tengku Petra Semerak dan di sekitar Pasar Besar Kota Bharu sekarang.

⁴⁰ Ibid., hlm. 93. Pusat perniagaan dan pasar Kota Bharu mula-mula terletak di kawasan tepi sungai Kelantan kira-kira di sekitar Taman Sekebun Bunga sekarang (di sebelah hilir Panggung Lido sekarang).

⁴¹ Ibid., hlm. 97-98. Di akhir pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1889) Masehi, putera dan puterinya membina kota-kota istana masing-masing di kawasan Sebelah Hulu bandar Kota Bharu. Kota-kota istana itu terkenal dengan panggilan Kota Temenggong iaitu kota istana kediaman Tuan Salleh yang bergelar Tengku Temenggong; kota Tengku Seri Pekerma iaitu kota istana kediaman Tuan Sulaiman (atau Tuan Man) bergelar Tengku Seri Pekerma Raja; Kota Tengku Seri Maharaja iaitu kota istana kediaman Tuan Mahmud (atau Tuan Long Mahmud) bergelar Tengku Seri Maharaja; Kota Tengku Merah iaitu kota istana kediaman Tuan Merah (puteri); dan kota istana Tengku Bendahara iaitu kota istana kediaman Tuan Chik Abdullah bergelar Tengku Bendahara. Saudara kepada Sultan Ahmad iaitu Tuan Jaafar (atau Tuan Abdul Ghafar) bergelar Tengku Temenggong (atau lebih dikenali dengan panggilan Tengku Putera Dalam Kebun) membuat kota istananya di sebelah hilir Bandar Kota Bharu.

⁴² Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", dalam Warisan Kelantan IX, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1990, hlm. 59.

Pelabuhan Kota Bharu selain daripada Tumpat merupakan salah sebuah pelabuhan yang maju.⁴³ Ia menjadi sebagai pusat yang mengendalikan perdagangan import dan eksport. Ini digambarkan di dalam petikan berikut:

I found the shopping centre of the town fascinating. There one could see beautiful locally-made sarongs, along with imported cotton and silk cloths, generally, unfortunately, markedly inferior in colour and texture; native sweet-meats; tin and brass-ware from Brunei, Trengganu and Birmingham; Japanese and Chinese tools and knives; gold ornaments locally made; sireh boxes; fruit and poultry. The traders were of wide origin, Malays, Chinese, Arabs and Indians.⁴⁴

Berdasarkan faktor-faktor tarikan di atas maka bandar Kota Bharu telah menjadi tumpuan semua lapisan masyarakat daripada pemerintah hingga kepada rakyat jelata. Faktor ekonomi, pentadbiran dan kemudahan infrastruktur adalah antara beberapa kelebihan yang terdapat di Kota Bharu berbanding jajahan lain di Kelantan.

Selain di jajahan Kota Bharu, di jajahan Tumpat juga dikenalpasti wujudnya kegiatan pelacuran. Di Tumpat,⁴⁵ pada tahun 1917, seramai tiga belas orang pelacur telah ditangkap. Jadual (2.2) menunjukkan senarai nama dan kawasan kegiatan pelacur di jajahan Tumpat bagi tahun 1917.

⁴³ Ibid., hlm.58.

⁴⁴ Shahril Talib, History of Kelantan 1890-1940, MBRAS, 1995, hlm. 48.

⁴⁵ Akan diibincangkan lebih lanjut dalam bab ke tiga.

Jadual (2.2)
Senarai nama dan kawasan kegiatan pelacur di jajahan Tumpat bagi tahun 1917.⁴⁶

Bil	Nama	Kawasan kegiatan
1	Wan Yah	duduk di rumah Sapiah dekat kelab
2	Mariam	duduk di rumah Sapiah dekat kelab
3	Lijah	duduk di rumah Mak Jawa (barua) di gudang Che Ali Keling
4	Membunga	duduk di rumah Mak Jawa (barua) di gudang Che Ali Keling
5	Puriah	duduk di rumah Mak Jawa (barua) di gudang Che Ali Keling
6	Wan Mariam	duduk di rumah Mak Jawa (barua) di gudang Che Ali Keling
7	Membunga	duduk di rumah Lumat dekat S. View Rest
8	Minah	duduk di rumah Lumat dekat S. View Rest
9	Lumat	duduk di rumah Lumat dekat S. View Rest
10	Hawa	duduk di Wy Ting hotel
11	Bidah	duduk di Wy Ting hotel
12	Lijah	simpanan Tuan Nail di rumahnya
13	Wan Mas	duduk di rumah Mak Salamah (barua).

Jadual (2.2) menunjukkan bahawa terdapat seramai tiga belas orang pelacur di jajahan Tumpat pada tahun 1917. Seramai sepuluh orang pelacur dibela oleh empat orang barua. Lijah, Membunga, Puriah dan Wan Mariam dibela oleh Mak Jawa dan mereka ini menjalankan kegiatan di gudang Che Ali Keling. Sementara itu Membunga, Minah dan Lumat dibela oleh Lumat dan mereka menjalankan kegiatan dekat S. View Rest. Sementara itu di rumah Spiah berhampiran kelab pula terdapat dua orang iaitu Wan Yah dan Mariam. Seorang lagi pelacur yang bernama Wan Mas telah dibela oleh Mak Salamah.

⁴⁶ MAIK, 43/17, "Berkenaan perempuan jahat", hlm. 38.

Selain itu dua orang pelacur telah menjalankan kegiatan mereka secara bersendirian. Mereka terdiri daripada Hawa dan Bidah. Kedua-duanya menjalankan kegiatan di hotel Wy Ting. Sementara itu seorang lagi pelacur yang bernama Lijah telah menjadi pelacur simpanan kepada Tuan Nail.

Berdasarkan huraian di atas, jelas bahawa terdapat tiga bentuk pelacuran di Tumpat pada tahun 1917. Pertama melalui ibu atau bapa ayam yang bertindak sebagai orang perantaraan. Kedua, secara persendirian dan ketiga disimpan atau secara tetap. Kegiatan ini dijalankan di kawasan gudang milik perseorangan, di hotel, berhampiran kelab dan berhampiran rumah rehat.

Sementara itu pada tahun 1923, pihak MAIK telah menangkap seramai tiga belas orang lagi pelacur di Tumpat.⁴⁷ Jadual (2.3) menunjukkan senarai nama dan kawasan kegiatan pelacur di jajahan Tumpat bagi tahun 1923.

Jadual (2.3)
Senarai nama dan kawasan kegiatan pelacur di jajahan Tumpat bagi tahun 1923.⁴⁸

Bil.	Nama	Kawasan kegiatan
1	Che Embun bin Che Kassim	di rumah sewa sendiri.
2	Che Minah binti Che Awang	di rumah Che Embung
3	Limah binti Awang	di rumah dia sewa sendiri.
4	Minah binti Awang	di rumah dia sewa sendiri.
5	Selamah binti Senik	duduk di rumah Iju mata-mata
6	Saripah	di rumah Encik Seman
7	Jenab	di rumah Encik Seman
8	Embun	di rumah Che Setawa
9	Setawa	duduk di rumah dia sendiri.
10	Mek Nur	duduk di rumah dia sendiri.
11	Limah	duduk di rumah Mariam Kurus.
12	Aishah Kampung Jelawat	duduk di rumah dia sewa sendiri.
13	Patimah binti Mamat	duduk di rumah dia sewa sendiri.

⁴⁷ Akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab ketiga.

⁴⁸ MAIK, 205/23, "Minta majlis mengadakan jamin ke atas perempuan-perempuan jahat bagaimana senarai nama mereka yang dikehendaki oleh mahkamah syariah", hlm. 3.

Jadual di sebelah menunjukkan bahawa terdapat seramai tiga belas orang pelacur di jajahan Tumpat pada tahun 1923. Daripada jumlah tersebut seramai empat orang pelacur dibela oleh tiga orang ibu atau bapa ayam. Saripah dan Jenab misalnya dibela oleh Encik Seman. Embun dan Limah pula masing-masing dibela oleh Che Setawa dan Mariam Kurus. Selain itu seramai lapan orang telah menjalankan kegiatan secara bersendirian di rumah sewa masing-masing. Mereka terdiri daripada Che Embung, Limah, Minah, Setawa, Mek Nur, Aishah, Patimah dan Che Minah. Baki seorang lagi pula dibela oleh Iju mata-mata sebagai perempuan simpanan.

Secara perbandingan, terdapat beberapa perbezaan di antara pelacuran pada tahun 1917 dan 1923 di Tumpat. Pada tahun 1917 kebanyakan pelacur dibela atau mendapat khidmat ibu atau bapa ayam tetapi pada tahun 1923 kebanyakannya menjalankan kegiatan secara bersendirian. Mengenai tempat kegiatan pula pada tahun 1917 kegiatannya dijalankan dipelbagai tempat tetapi pada tahun 1923 kegiatannya tertumpu di satu tempat sahaja iaitu di rumah sewa.

Tumpat menjadi tumpuan kegiatan pelacuran kerana beberapa sebab. Salah satu daripadanya ialah wujudnya kegiatan perdagangan di pelabuhan Tumpat. Pelabuhan Tumpat dan Kota Bharu merupakan dua buah pelabuhan yang telah maju. Perdagangan dalam dan luar kerap menggunakan pelabuhan ini. Meningkatnya kemajuan perdagangan di Kelantan pada abad ke dua puluh telah menambahkan lagi jumlah kapal-kapal yang keluar dan masuk.⁴⁹ Keadaan ini memungkinkan juga berlakunya perdagangan seks di pelabuhan-pelabuhan ini kerana adanya permintaan daripada

⁴⁹ Pada tahun 1911, 133,697 tan kapal api yang berdagang di pelabuhan Tumpat dan Kota Bharu. Sila lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", hlm. 58.

pelanggan yang terdiri daripada anak-anak kapal yang datang berdagang ke Kelantan.

Abdullah Munshi di dalam tulisannya mengambarkan keadaan ini.⁵⁰

Tumpat juga turut dihubungi oleh jalan kereta api dan jalan raya. Kedua-dua infrastruktur ini memudahkan perhubungan dari pelabuhan Tumpat ke kawasan-kawasan pedalaman. Arah yang dituju oleh jalan keretapi misalnya adalah ke kawasan-kawasan perlombongan dan ladang getah yang diusahakan oleh orang-orang Eropah. Terdapat bukti menunjukkan bahawa dalam usaha meramaikan pekerja-pekerja estet pengurus-pengurus ladang telah menggalakkan kemasukan pelacur ke kawasan-kawasan estet di Ulu Kelantan.

Selain itu laluan jalan keretapi dan jalan kapal penumpang ini menjadikan sesebuah tempat itu satu perkampungan baru dan jika kawasan ini sudah maju ia akan menjadi sebuah bandar yang penting. Kemunculan bandar Tanah Merah dan Kuala Krai adalah berkaitan dengan faktor tersebut.⁵¹ Di Kuala Krai misalnya kedapatan ramai buruh Cina yang bekerja di estet⁵² dan dengan adanya kemudahan perhubungan maka pelacur dengan senang turun ke kawasan tersebut atau buruh-buruh ini yang akan turun ke Tumpat mencari pelacur di kawasan tersebut.

⁵⁰ Abdullah Munshi di dalam tulisannya tidak menyebut di pelabuhan mana berlakunya kegiatan pelacuran namun penulis mengandaikan kemungkinannya ialah di pelabuhan Tumpat atau Kota Bharu memandangkan kedua-dua pelabuhan tersebut merupakan dua pusat yang penting mengendalikan perdagangan di Kelantan. Untuk melihat gambaran Abdullah Munshi berkenaan aktiviti pelacuran di pelabuhan sila rujuk, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *op.cit.*, hlm. 78.

⁵¹ Lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", hlm. 60.

⁵² Pada tahun 1913 misalnya terdapat seramai 6,000 orang Cina bekerja di ladang-ladang getah. *Ibid.*, hlm. 52.

Selain di Tumpat kegiatan pelacuran juga terdapat di jajahan Pasir Mas. Menurut seorang polis bernama Mahmud di dalam suratnya kepada Dato' Mufti beliau menyatakan bahawa terdapat di antara lima hingga sepuluh orang pelacur berhimpun di rumah nombor 78 di Pasir Mas. Pelacur-pelacur ini dipelihara oleh Mariam isteri Yaakob.⁵³ Sementara itu pada tahun 1917, seramai sebelas orang pelacur telah ditangkap di Pasir Mas oleh pihak MAIK. Jadual (2.4) di bawah menunjukkan senarai nama pelacur yang ditangkap di Pasir Mas bagi tahun 1917.

Jadual (2.4)
Senarai nama pelacur di dalam bandar Pasir Mas bagi tahun 1917.⁵⁴

Bil.	Senarai nama
1	Babunga binti Mamat(jadi kepala)
2	Wan Zarah janda gelap Musa yang dalam jil
3	Asiah
4	Munah
5	Mek Wuk
6	Mek Yah
7	Ishah
8	Bunga janda mata-mata 110
9	Wan Selamah janda
10	Salamiah
11	Lijah binti Deris.

Pasir Mas, seperti juga Tumpat, mempunyai jaringan jalan keretapi. Ini secara tidak langsung telah memudahkan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat. Pada akhir tahun 1912, jalan keretapi ini telah siap dibina sehingga ke bandar Pasir

⁵³ Penulis tidak menemui sebarang keterangan mengenai ibu ayam ini. Lihat MAIK, 164/23.

⁵⁴ MAIK, 43/17, op.cit., hlm. 23.

Mas.⁵⁵ Pada tahun 1917, satu rancangan telah disediakan untuk menjalankan kerja-kerja menyambung jalan keretapi antara Pasir Mas ke Golok.⁵⁶ Pembinaan stesyen keretapi dikatakan sebagai salah satu sebab berkembangnya kegiatan pelacuran. Ini berkaitan dengan permintaan daripada pelanggan berbangsa India yang kebanyakannya bekerja dalam perkhidmatan tersebut.

Selain faktor di atas, kepadatan penduduk yang tinggi⁵⁷ dan kebergantungan kepada ekonomi sara diri menyebabkan kebanyakkan penduduknya rata-rata hidup dalam kemiskinan. Sebahagian daripadanya berhijrah keluar mencari peluang pekerjaan di tempat lain. Ada yang memilih untuk bekerja sebagai ibu atau bapa ayam,⁵⁸ tetapi kebanyakkan yang lain memilih pelacuran sebagai pekerjaan.⁵⁹

Selain di Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Mas, pelacuran juga dikesan di jajahan Pasir Putih dan Ulu Kelantan. Keadaan ini diketahui melalui surat-surat laporan yang dikemukakan oleh kadi-kadi jajahan kepada pihak MAIK.⁶⁰ Di dalam laporannya kadi meminta pihak MAIK menangkap dan menjatuhkan hukuman.

⁵⁵ Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", hlm. 60.

⁵⁶ Bagaimana pun rancangan ini telah mendapat tentangan yang hebat daripada golongan pemodal kapitalis dari Hulu Kelantan. Mereka lebih inginkan supaya kerajaan membina jalan keretapi yang menyambung antara Tanah Melayu dengan Kuala Lebir.

⁵⁷ Jajahan Pasir Mas merupakan jajahan kedua paling padat penduduk selepas Kota Bharu.

⁵⁸ Mariam isteri Yaakob, yang tinggal di rumah nombor 78, bandar Pasir Mas telah menjadi ibu ayam dengan memelihara antara lima hingga sepuluh orang pelacur. Lihat MAIK, 164/23.

⁵⁹ Terdapat seramai sebelas orang pelacur telah ditangkap di Pasir Mas pada tahun 1917. Jumlah yang menjalankan aktiviti pelacuran ini walaupun kecil berbanding dengan keseluruhan penduduk namun realitinya terdapat bukti menunjukkan bahawa wujudnya kegiatan ini di bandar Pasir Mas.

⁶⁰ Berkenaan peranan kadi akan dibincangkan lebih lanjut di dalam bab kelima.

Di dalam surat setiausaha Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan kepada Dato' Perdana Menteri (Menteri Besar) misalnya, beliau telah melampirkan empat keping salinan surat-surat berkenaan dengan khalwat dan persundalan. Surat-surat tersebut diterima daripada Tuan Kadi jajahan Pasir Putih,Bachok, Pasir Sat (Ulu Kelantan) dan Pasir Mas. Menurut setiausaha MAIK kegiatan pelacuran berlaku di kebanyakan jajahan dan mukim.⁶¹

Kadi jajahan Pasir Putih, iaitu Haji Abdul Majid telah menyampaikan rasa terkilan kepada Naib Yang Di Pertua MAIK kerana gagal mencari penyelesaian berkenaan dengan pelacur-pelacur yang terdapat di dalam bandar Pasir Putih. Di dalam suratnya kepada Naib Yang Di Pertua MAIK, beliau menyatakan bahawa pelacur-pelacur masih meneruskan aktivitinya. Menurut Tuan Haji Abdul Majid,

...perempuan yang jahat-jahat di dalam bandar Pasir Putih sekarang belum menjadi aman lagi oleh itu tiada cukup dijagakan dia seperti barang yang telah masyhur di jaga di dalam bandar Kota Bharu dan termasyhur dengan amannya ialah kerana belum hamba datuk mendapat jalan bagi demikian serta tidak pernah dijalankan seperti barang yang telah berlaku di sana.⁶²

Sementara itu Tuan Kadi Kuala Krai, Ulu Kelantan di dalam suratnya kepada Dato'Mufti Kerajaan Kelantan telah memohon surat kuasa untuk pegawai Mahkamah Syariah Ulu Kelantan bagi menangkap pelacur.⁶³ Ini berikutan terdapat ramai

⁶¹ Lihat MAIK, 84/32, *op.cit.*, hlm. 10.

⁶² MAIK, 132/17, "Berkennaan dengan perempuan-perempuan jahat dalam bandar Pasir Putih", hlm. 1.

⁶³ MAIK, 217/29, "Pegawai-pegawai mahkamah syariah Ulu Kelantan memohonkan surat kuasa bagi menangkap perempuan-perempuan jahat yang berkhalwat di hotel dan lain-lain", hlm. 3.

pelacur di dalam jajahan Ulu Kelantan. Pelacur-pelacur dan ibu atau bapa ayam tersebut walaupun telah dipanggil dan diberi nasihat namun tidak diendahkannya, sebaliknya jumlah mereka makin bertambah ramai. Menurut beliau,

...Perempuan sundal di dalam jajahan Kuala Krai sekarang terlalu ramai dan telah dipanggil nasihat kepada kepala-kepala barua di dalam bandar nampaknya tidak juga menjadi endah dan kekurangan melainkan nampak semakin bertambah dan ramai.⁶⁴

Berdasarkan kenyataan kadi jajahan Pasir Putih dan Ulu Kelantan dapat difahami bahawa mereka gagal mencari penyelesaian atau menghapuskan kegiatan pelacuran di jajahan masing-masing. Kadi jajahan Pasir Putih um pamanya tidak pasti mengenai langkah-langkah yang patut diambil bagi mengatasi masalah pelacuran di jajahan Pasir Putih. Sementara kadi jajahan Ulu Kelantan telah mengambil inisiatif baru dengan memohon surat kuasa untuk pegawai mahkamah syariah bagi membolehkan pegawai-pegawaiannya melakukan penangkapan. Tindakan ini perlu dilakukan kerana kebanyakan pelacur dan ibu atau bapa ayam tidak mengendahkan nasihat dan amaran sebaliknya dengan bebas meneruskan kegiatan mereka.

Kewujudan kegiatan pelacuran di kedua-dua jajahan dapat dikaitkan dengan pelbagai faktor. Kedua-dua kawasan, merupakan tumpuan kegiatan ekonomi perdagangan. Di jajahan Pasir Putih terdapat ladang-ladang kelapa.⁶⁵ Selain itu

⁶⁴ Ibid., hlm. 4.

⁶⁵ Salah sebuah ladang kelapa tersebut ialah : 'The Pasir Puteh Coconut Estate', merupakan ladang kelapa yang disewa oleh pengusaha F.O. Rasmussen dan meliputi kawasan seluas 500 ekar. Sila lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris," hlm. 45.

perlombongan emas juga diusahakan di sini.⁶⁶ Sementara di jajahan Ulu Kelantan pula terdapat kegiatan perladangan getah⁶⁷ dan perlombongan emas.⁶⁸ Sehingga tahun 1920 pembukaan kawasan ladang dan lombong telah mewujudkan dua kawasan ekonomi perdagangan yang penting iaitu Pasir Putih dan Hulu Kelantan.

Kegiatan ekonomi perladangan dan perlombongan memerlukan ramai buruh. Di ladang-ladang getah misalnya terdapat ramai buruh Cina, India dan Jawa. Menurut banci penduduk 1911, daripada sejumlah 5,198 orang pekerja yang terdapat di estet-estet di Kelantan pada tahun itu, 3,370 orang terdiri daripada buruh Cina, 1,293 orang buruh Melayu, 293 orang buruh India dan 165 orang buruh Jawa.⁶⁹ Pada masa itu, sektor estet di Kelantan masih mendapati sukar untuk menarik buruh India datang bekerja. Di samping itu, pengusaha estet dikatakan tidak berminat untuk mengambil orang Melayu tempatan dengan alasan kononnya “kerja mereka tidak tetap kerana

⁶⁶ ‘The Bukit Merbau Mining Syndicate’, beribu pejabat di Kuala Lumpur, menjalankan kegiatan perlombongannya di kawasan Pasir Putih.

⁶⁷ Ibid., hlm. 45 dan 47. Ladang-ladang getah yang dikenalpasti beroperasi di kawasan ini antaranya ialah : ‘The Bagan Rubber Company Limited’, membuka ladang getah di kawasan seluas 1,000 ekar di daerah Bagan, Hulu Kelantan. Syarikat ini beribu pejabat di Singapura dan dikendalikan oleh Hilton M’Gill ; ‘The Bukit Ator Estate’, merupakan kawasan ladang getah yang disewa oleh Hilton M’Gill dan meliputi kawasan seluas 1,900 ekar ; ‘The Bagan Rubber Estate’, merupakan ladang yang diusahakan oleh penyewa Messrs Tilleke dan Mackey, meliputi kawasan seluas 4,000 ekar dan beribu pejabat di Bangkok.

⁶⁸ Ibid., hlm. 45. Perlombongan emas di jajahan Ulu Kelantan dijalankan oleh beberapa buah syarikat. Antaranya ialah : ‘The Duff Development Company Limited’, yang beribu pejabat di London, bermodal sebanyak 10,000 pound, mendapat konsesi seluas 3,000 batu persegi di kawasan Galas dan Sungai Lebir untuk mengeksplorasi perlombongan emas dan perladangan di kawasan itu ; ‘Patterson Simons & Company Limited’, mempunyai ejen di Singapura, juga bergiat dalam bidang perlombongan ; ‘The Kelantan Exploration Syndicate Limited’, syarikat yang berpusat di London. Syarikat ini mempunyai kepentingan-kepentingan di dalam kedua-dua bidang perlombongan dan perdagangan ; ‘The Galas River Syndicate Limited’, dengan Messrs Guthrie & Company Limited sebagai ejen di Singapura. Sindiket ini menjalankan kegiatan perlombongan di kawasan Galas ; ‘The Nenggiri Prospecting & Mining Concession’ yang ditubuhkan oleh P.F. Wise, menjalankan kegiatan perlombongannya di kawasan Nenggiri.

⁶⁹ Ishak Sharif, Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 136.

hampir ke semua mereka mempunyai tanah untuk diusahakan, dan masa yang lebihnya digunakan untuk perkara lain". Tetapi sebenarnya, sehingga pertengahan tahun 1920-an orang Melayu tempatan sememangnya tidak berminat untuk menjadi buruh estet di negeri ini kerana kedudukan estet itu yang terlalu jauh daripada kampung halaman mereka, keadaan kerja yang teruk dan upah yang dibayar juga rendah.

Memandangkan keadaan tersebut maka antara Jun 1913 hingga Januari 1917, seramai 3,119 orang buruh Cina dan 1,510 orang buruh India dibawa masuk ke Kelantan. Walau bagaimanapun pada tahun 1920-an dan 1930-an, semakin ramai buruh India diambil bekerja di estet-estet getah dan akhirnya bilangan mereka mengatasi bilangan buruh Cina. Sebagai contoh, bilangan pekerja India yang bekerja di estet getah, lombong dan kilang pada tahun 1937 berjumlah 2,759 orang, manakala bilangan pekerja Cina hanyalah 1,174 orang.⁷⁰

Keperluan kepada tenaga buruh ini amat ketara kerana dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua banyak ladang-ladang getah telah dibuka di Ulu Kelantan khususnya. Pada awal tahun 1913 misalnya sebanyak 13,000 ekar ladang getah telah dibuka dan pada akhir tahunnya keluasan ini bertambah menjadi 17,000 ekar. Sementara pada akhir tahun 1915 keluasan ladang getah bertambah lagi menjadi 20,000 ekar.⁷¹

Selain peningkatan luas kawasan ditanam dengan getah, buruh-buruh yang ada perlu dikekalkan. Oleh yang demikian pengurus-pengurus ladang terpaksa mengambil pelbagai inisiatif untuk menggalakkan buruh-buruh ini supaya kekal dalam

⁷⁰ *Ibid.*, hlm. 137.

⁷¹ Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", hlm. 52.

industri yang menguntungkan ini. Salah satu usaha yang dilakukan oleh pengurus-pengurus ladang ini ialah membawa masuk atau menggalakkan kemasukan ramai pelacur ke kawasan-kawasan estet. Keperluan kepada khidmat pelacur ini sukar dinafikan kerana kebanyakan pekerja adalah bujang dan mereka yang telah berkahwin pula tidak membawa isteri.

Selain itu nisbah jantina yang tidak seimbang turut mendorong lelaki bukan Melayu melanggani pelacur Melayu. Pada tahun 1911 hanya terdapat seramai 362 orang perempuan Cina berbanding dengan seribu orang lelaki Cina. Sementara itu pada tahun 1921 jumlah perempuan Cina semakin berkurang iaitu hanya seramai 355 orang sahaja.⁷²


Daripada huriaian di atas, terbukti bahawa kegiatan pelacuran terdapat di lima jajahan iaitu Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Pasir Putih dan Ulu Kelantan.⁷³ Selain kelima-lima jajahan tersebut, tidak dinafikan bahawa kegiatan pelacuran mungkin juga terdapat di jajahan lain, misalnya jajahan Bachok.⁷⁴ Ini berdasarkan surat setiausaha MAIK kepada Dato' Perdana Menteri (Menteri Besar). Menurut Setiausaha MAIK beliau telah menerima empat keping salinan surat daripada Tuan Kadi jajahan Pasir Putih, Bachok, Ulu Sat (Ulu Kelantan) dan Pasir Mas. Surat-surat tersebut adalah berkenaan

⁷² Lihat Robert L. Winzeler, Ethnic Relations in Kelantan, Oxford University Press, Singapore, 1985, hlm.19. Lihat juga Victor Purcell, The Chinese in Malaya, Oxford University Press, Singapore, 1967, hlm. 232-234.

⁷³ Sila lihat peta jajahan Kelantan di halaman 61.

⁷⁴ Bachok merupakan sebuah bandar yang terletak di kawasan pantai dan kebanyakan penduduknya menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan. Selain itu Bachok juga merupakan sebuah pelabuhan yang telah maju.

Peta 2: Kelantan



Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan.

dengan khalwat dan persundalan.⁷⁵ Berdasarkan surat tersebut Bachok tidak terkecuali daripada menghadapi masalah pelacuran.

Jajahan Kota Bharu paling banyak dilaporkan kegiatan pelacuran. Hasil tindakan MAIK pada tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937 jumlah pelacur yang ditangkap ialah seramai 149 orang.⁷⁶ Sementara ibu atau bapa ayam seramai lapan orang telah ditangkap pada tahun 1916. Kemudian diikuti oleh jajahan Tumpat dan Pasir Mas.⁷⁷ Di jajahan Tumpat iaitu seramai 26 orang hasil tangkapan tahun 1917 dan 1923. Sementara Pasir Mas seramai 11 orang hasil tangkapan tahun 1917. Di daerah Pasir Putih dan Kuala Krai, tiada data atau rekod tangkapan dibuat oleh itu anggaran mengenai jumlah pelacur di sini tidak dapat dibuat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan kedua-dua jajahan ini juga terdapat kegiatan pelacuran. Kenyataan ini berdasarkan laporan daripada kadi jajahan yang mewakili kedua-dua jajahan berkenaan yang menyatakan ramai pelacur terdapat di jajahan masing-masing.

Berdasarkan huraiyan di atas, jajahan-jajahan yang terlibat dengan kegiatan pelacuran mempunyai daya tarikannya tersendiri. Faktor tersebut berkaitan dengan peranannya sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran serta tumpuan kegiatan ekonomi perniagaan. Kegiatan ekonomi perdagangan seperti perladangan getah dan kelapa serta perlombongan telah menggalakkan kemasukan buruh. Selaras dengan itu kemudahan infrastruktur seperti jalanraya dan jalan keretapi telah dimajukan. Selain itu

⁷⁵ MAIK, 84/32, *op.cit.*, hlm. 10.

⁷⁶ Berkenaan bilangan pelacur yang ditangkap akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab ketiga.

⁷⁷ Angka-angka yang dicatatkan di sini tidak mewakili keseluruhan pelacur yang terdapat di kedua-dua jajahan. Jumlah sebenar mungkin jauh lebih ramai, ini berdasarkan laporan-laporan yang dibuat oleh kadi jajahan, imam, penggawa serta orang awam. Lagi pun angka yang dicatatkan di sini terhad kepada tahun 1917 dan 1923 bagi daerah Tumpat dan tahun 1917 bagi daerah Pasir Mas.

juga peningkatan di dalam perdagangan menyebabkan perdagangan luar dan dalam dikendalikan oleh beberapa pelabuhan tempatan. Hasil dari perkembangan di atas telah mewujudkan bandar-bandar baru. Semua faktor ini saling berkaitan antara satu sama lain dan menjadi penyebab kepada berkembangnya kegiatan pelacuran di jajahan-jajahan berkenaan.

Rumah-rumah pelacuran yang muncul begitu banyak di pekan-pekan utama Kelantan, adalah bukti wujudnya kegiatan pelacuran yang tinggi di Kelantan. Kewujudan rumah pelacuran ini dapat dikesan bila adanya siasatan dan tangkapan dibuat oleh pihak polis. Pada 11hb. Julai, 1938 misalnya, O.C.P.D. Kota Bharu dan Bachok Che Sha'ary bin Ahmad bersama-sama dengan dua orang lagi polis iaitu mata-mata nombor 347 Mahmud bin Mamat dan mata-mata nombor 338 Husin bin Ismail telah membuat rondaan di kawasan Lorong Kubur. Semasa serbuan dilakukan ke atas rumah sebelah Hulu Lorong Kubur, terdapat dua orang sedang "berjahat" iaitu Mek Som binti Bakar bersama pasangannya Lee Sim Tue s/o Lee Sue. Rumah tersebut disewa oleh Encik Mamat mualaf. Sementara itu di sebelah hilir pula disewa oleh Mek Yu dan semasa ke tempat tersebut mereka mendapati sepasang lelaki dan perempuan sedang turun dari loteng (rumah dua tingkat) iaitu Mek Wa binti Ibrahim dan pasangannya Cina Ah Kim

seorang tukang kayu.⁷⁸

Di dalam kes yang lain tangkapan telah dibuat ke atas Owi Seng s/o Owi Pen⁷⁹ kerana memajukan tempat persundalan di Lorong atau Jalan Che Kadir (Lorong ini juga dikenali sebagai Jalan Tuar'). Di dalam pengakuannya beliau menyatakan, bahawa beliau telah menyewa gudang daripada Tengku Besar dengan bayaran \$6.00 sebulan. Kemudian beliau menyewakan pula bilik untuk kegunaan pelacur dengan mengenakan bayaran. Menurut Owi Seng s/o Owi Pen,

Gudang yang saya sewa itu hak Tengku Besar punya, saya sewa \$6.00 sebulan. Saya tak kenal orang yang pergi pungut wang sewa itu bukan Tengku Besar. Saya kenal Mek Som. Saya tak kenal Che Mat tiap-tiap orang tidor dengan perempuan bujang di bilik saya bayaran tidak tentu. Saya orang makan chandu, dan boleh dikatakan kehidupan saya dengan ini jalan. Waktu Che Mat dan Mek Som ada di dalam bilik O.C.P.D. dan mata-mata masuk tangkap saya ada di luar di dalam gudang saya...⁸⁰

⁷⁸ Lihat kenyataan kedua-dua saksi Mahmud bin Mamat gelap mata-mata nombor 347 dan Husin bin Ismail gelap mata-mata nombor 338. Menurut kedua-dua saksi tersebut; saya 'round' menurut O.C.P.D. lebih kurang sampai pukul sebelas malam 11/7/38 sampai di Lorong Kubur ke rumah yang disewa oleh Encik Mamat mualaf yang di sebelah kepala balik hulu sekali pada rumah-rumah yang masyhur itu saya berdua pergi ke balik rumah didapati ada satu lorong di bawah pintu belakang lalu dua intai tempat cerah pelita dan tengok ada di atas gerai dua orang tengah berjahat orang itu sahlah laki-laki dengan perempuan kemudian saya panggil nombor satu intai pula. Katanya; Saya tengok perempuan telah bangun dan laki-laki pakai seluar dan perempuan telah pergi ke tempayan laki-laki masih berdiri di situ juga lombor dua pergi panggil O.C.P.D. masuk ikut hadapan saya nombor satu juga belakang bila dua orang itu masuk nombor satu pun masuk sama tiga-tiga saya ini tengok dua orang perempuan Melayu dengan laki-laki Cina lalu O.C.P.D. Tanya nama perempuan katanya nama Mek Som binti Bakar dan Cina itu Lee Sim Tue S/O Lee Sue. Kemudian daripada sempurna pekerjaan O.C.P.D. lalu keluar dan masuk ke rumah yang diduduki oleh Mek Yu yang di sebelah hilir sekali daripada menduduki rumah yang masyhur itu bila sampai di dalam saya satu dan dua tengok perempuan turun di atas loteng di belakang Cina laki bila dia sampai ke bawah O.C.P.D. masuk tanya perempuan dia kata duduk sahaja di atas dan namanya Mek Wa binti Ibrahim di tanya Cina jawab nama Ah Kim tukang kayu. Tempat duduk tukang kayu ini di bangsal sebelah rumah Tengku Khalid hampir masjid itu. Cina tukang itu telah lari daripada tangkapan malam itu tetapi sekarang saya belum tahu dapat atau tidak. Sila lihat MAIK, 339/38, "Berkenaan dengan empat orang yang telah ditangkap pada 11/7/38 kerana kesalahan berkhalwat", hlm. 2.

⁷⁹ Owi Seng S/O Owi Pen berbangsa Hokien, berusia 40 tahun dan tidak mempunyai apa-apa pekerjaan. Beliau tinggal di Lorong Che Kadir. Lihat MAIK, 338/38, "Berkenaan dua orang telah ditangkap semalam 13/7/38 pasal kesalahan berkhalwat iaitu Mek Som di gudang Lorong Kadir diminta majlis dakwa di atas kesalahan itu", hlm. 3.

⁸⁰ Ibid. Kenyataan Owi Seng S/O Owi Pen di balai polis setelah ditangkap atas tuduhan memajukan tempat persundalan di bawah seksyen : 6(ii)(a)(c) E 8/38.

Sewa bilik tidak selaras. Hal ini diakui oleh Mek Som.⁸¹ Menurut Mek Som beliau sering menggunakan bilik tersebut, namun beliau tidak mengetahui berapa bayaran yang dikenakkannya kerana pelanggannya yang akan membayar. Namun begitu lazimnya 10 sen. Menurut Mek Som,

Saya bujang dua tahun. Saya lama sudah mari Kota Bharu dan duduk di Lorong Syed Hussain. Saya tak kenal Che Mat, bharu ini malam. Saya kenal Cina Seng tuan rumah sudah lama. Ini petang lebih kurang 7 p.m. 13.7.38 saya pergi berjalan di gudang Seng. Lebih kurang 10 p.m. saya ada di luar gudang Seng datang Che Mat ajak saya masuk tidor di dalam gudang Seng. Upahan tidak janji. Kemudian saya pun tidor "berjahat" dengan Che Mat sekali sahaja, lepas berjahat O.C.P.D. dan mata-mata pun masuk tangkap. Waktu ini saya belum basoh lagi dari Che Mat. Sewa bilik Seng saya tak tahu berapa Che Mat bagi lazim 10 sen.⁸²

Selain di Lorong Kubor dan Lorong Che Kadir, rumah pelacuran juga terdapat di Jalan Wakaf Siku.⁸³ Di Jalan Wakaf Siku misalnya, terdapat sebuah rumah yang dimiliki oleh Che Aishah. Di dalam rumah tersebut terdapat ramai pelacur dan apabila menjelang waktu malam tempat tersebut akan dikunjungi oleh kuli-kuli getah Cina.

⁸¹ Ibid., hlm. 4. Mek Som binti Mat Ali ialah tertuduh di dalam kes memajukan tempat persundulan. Beliau berumur 30 tahun. Beliau ditangkap kerana melakukan pelacuran dengan pasangannya Che Mat. Berasal dari Kedai Buluh, daerah Badang.

⁸² Kenyataan Mek Som binti Mat Ali.

⁸³ Bermula dari persimpangan Jalan Rest House dengan Jalan Hospital dan menghala ke persimpangan Jalan Langgar dan Jalan Wakaf Che Yeh. Di persimpangan ini di zaman sebelum tahun 1945 ada sebuah wakaf yang dinamakan Wakaf Siku mengambil sempena nama Kampung Siku di sekitar kawasan itu. Sekarang jalan ini dinamakan Jalan Sultan Ibrahim. Sila lihat, Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salieh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya," hlm. 105.

Di tepi sebelah hilir jalan Wakaf Siku ada sebuah rumah dua lapis dikatakan rumah Che Aishah orang Kota Bharu, berhimpun perempuan-perempuan bujang seorang daripadanya nama Zainab tiap-tiap malam ramai Cina-cina kuli getah pergi ke situ dan orang-orang kampung itu selalu merenget kerana bising terutamanya rumah Encik Majid dan rumah saya...⁸⁴

Sementara itu, di Jalan Post Office, terdapat sebuah rumah yang terkenal sebagai tempat pelacuran. Rumah tersebut terletak di nombor 438, Jalan Post Office.⁸⁵ Rumah ini disewa oleh seorang perempuan bernama Mek Boo. Beliau bertindak sebagai ibu ayam dengan empat hingga lima orang pelacur. Kegiatan ini tidak terbatas di situ sahaja sebaliknya Mek Boo telah membawa pelacur-pelacur ini ke Tumpat untuk mencari pelanggan. Mengikut keterangan Che Mahmud,

Rumah nombor 438 Jalan Post Office ada selalu empat lima perempuan jahat maka rumah itu disewa oleh seorang perempuan yang bernama Mek Boo lakinya seorang Cina masuk Islam. Dialah yang menjadi ketuanya bagi perempuan jahat itu. Maka rumah ini jadi rumah orang-orang ramai. Selalu mendatangkan bising dan riuh dan melanggar undang-undang majlis. Perempuan-perempuan jahat ini di simpan oleh Mek Boo itu dan diberi orang-orang Cina dan lain-lain bangsa. Ini hari mereka telah dibawa ke Tumpat. Barua ini mencari wang sahaja. Jika sekarang mereka itu tidak ditahankan

⁸⁴ Gambaran di atas dinyatakan oleh Abdul Mutualib Hj. Mohd. Zin (orang awam yang tinggal berhampiran kawasan berkenaan) di dalam suratnya kepada Dato' Mufti supaya bertindak ke atas kegiatan pelacuran kerana kegiatan tersebut menimbulkan ketidaksesuaian kepada penduduk berhampiran akibat daripada kebisingan yang ditimbulkan oleh kegiatan berkenaan. Sila lihat MAIK, 156/38, "Menerangkan ada sebuah rumah dua lapis Wakaf Siku mukim Langgar ada berhimpun perempuan-perempuan bujang yang menjadi bising kepada orang yang berhampiran dengan rumah itu diminta supaya dipadamkan perbuatan dan kelakuan perempuan-perempuan itu kerana kehadiran yang membawa keluahan yang melanggar hukum agama dan lain-lain", hlm. 1.

⁸⁵ MAIK, 43/17, op.cit., hlm. 47.

daripada pekerjaan jahat itu atau hukumkannya
tentu kelak pada fikiran saya membawa
perempuan mengikut kejahatan mereka.⁸⁶

Salah satu faktor tarikan rumah pelacuran ini ialah kadar bayaran yang dikenakan rendah atau tidak ditetapkan. Selain itu, rumah pelacuran ini juga memberi kemudahan kepada pelanggan. Di Hulu Langgar misalnya ia amat popular kepada kuli-kuli getah. Apabila memerlukan khidmat pelacur mereka akan terus ke tempat tersebut. Bagi pelacur pula mereka tidak perlu mencari pelanggan di merata-rata tempat. Mereka juga boleh menjimatkan kos menyewa rumah kerana tinggal beramai-ramai. Sementara golongan yang dibela oleh ibu atau bapa ayam pula, selain mendapat kemudahan tempat tinggal, ibu atau bapa ayam akan menguruskan soal mendapatkan pelanggan. Begitu juga jika didapati kegiatan mereka tergugat di tempat berkenaan, mereka akan meneruskan kegiatan di tempat lain, misalnya dari Kota Bharu ke Tumpat.

Pelacuran sering dikatakan sebagai penyebar penyakit kelamin atau ‘Venereal Disease’ (V.D.).⁸⁷ Ada dua jenis penyakit kelamin, iaitu ‘Syphilis’ dan ‘Gonorrhoea’. Tanda-tanda penyakit ini ialah “...such as weight loss, rheumatic pain, recurrent headaches, skin rashes, chest pains, and shortness of breath.”⁸⁸ Di Kelantan penyakit ini telah dapat dikesan di beberapa buah hospital sejak sebelum Perang Dunia

⁸⁶ Kenyataan di atas disuarakan oleh Che Mahmud (tinggal berjiran dengan rumah nombor 438, Jalan Post Office) kepada Setiausaha MAIK. Beliau melaporkan kegiatan berkenaan kepada pihak MAIK kerana tidak tahan dengan suasana bising dan beliau juga melahirkan rasa bimbang sekiranya kegiatan tersebut menular ke tempat lain sekiranya tindakan tidak diambil.

⁸⁷ S. Kirson Weinberg, Social Problem in Modern Urban Society, Englewood Cliff, Prentice Hall, New Jersey, 1970, hlm. 534.

⁸⁸ Lihat, James Francis Warren, “Ah Ku and Karayuki-San, Prostitution in Singapore 1870-1940,” hlm. 124. Untuk keterangan lanjut berkenaan V.D. sila rujuk R.S.Morton, Venereal Diseases, Penguin, London, 1972. Lihat juga, Derek Llewellyn-Jones, Sex and V.D., Faber and Faber, London, 1974.

Kedua lagi. Di tempat-tempat yang terdapat banyak kegiatan pelacuran, penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya telah direkodkan dengan agak besar jumlahnya. Pada tahun 1930 misalnya terdapat sebanyak 423 kes V.D. dirujuk di hospital Kota Bharu dan 61 kes di hospital jajahan Kuala Krai.⁸⁹ Pada tahun 1931 pula sebanyak 394 kes V.D. dikesan di jajahan Kota Bharu dan di jajahan Kuala Krai pula sebanyak 121 kes.⁹⁰ Di jajahan Kota Bharu pada tahun 1931 jumlah pengidap ‘syphilis’ ialah 201 dan pengidap ‘gonorrhoea’ ialah 193. Seorang daripada pengidap ‘syphilis’ telah meninggal dunia. Sementara di jajahan Kuala Krai, seramai 28 orang telah dikesan sebagai pengidap penyakit ‘syphilis’ dan 93 orang lagi mengidap ‘gonorrhoea’. Ini menunjukkan di jajahan Kota Bharu pengidap ‘syphilis’ lebih ramai daripada ‘gonorrhoea’. Sementara di Kuala Krai pengidap ‘gonorrhoea’ lebih ramai daripada pengidap ‘syphilis’. Namun begitu kedua-dua kawasan ini positif daripada penyakit V.D. Sementara itu pada tahun 1932 sebanyak 369 kes telah direkodkan di hospital Kota Bharu dan 115 kes di hospital Kuala Krai.⁹¹

Selain di jajahan Kota Bharu dan Kuala Krai, V.D. juga dilaporkan terdapat di jajahan Pasir Putih.⁹² Pada tahun 1930 peratusan adalah sebanyak 0.12%, pada tahun 1931 sebanyak 0.7% dan pada tahun 1932 sebanyak 0.23%. Walaupun peratusan yang direkodkan kecil namun begitu terdapat kes-kes V.D yang dilaporkan di klinik-

⁸⁹ Lihat, Annual Report Medical Department Kelantan, 1930, him. 7.

⁹⁰ Lihat, Annual Report Medical Department Kelantan, 1931, him. 6.

⁹¹ Lihat, Annual Report Medical Department Kelantan, 1932, him. 4.

⁹² Lihat, Annual Report Medical Department Kelantan bagi tahun 1930, 1931 dan 1932.

klinik jajahan Pasir Putih. Selain itu **klinik-klinik** di jajahan Tumpat⁹³ juga merekodkan **kewujudan** penyakit-penyakit yang disebabkan oleh pelacuran. Pada tahun 1930 terdapat **sebanyak** 1.95% kes V.D. dilaporkan di jajahan ini. Keempat-empat jajahan ini telah pun **terbukti** sebelum ini telah pun wujudnya kegiatan pelacuran. Laporan perubatan ini **tambah** mengukuhkan lagi bukti yang ada bahawa wujudnya penyakit V.D. adalah **disebabkan** oleh adanya aktiviti pelacuran.

Kesimpulan.

Kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan sukar dinafikan. Banyak bukti **menunjukkan** pelacuran telah wujud di Kelantan sejak sebelum Perang Dunia Kedua. **Catatan** pengembara menunjukkan kegiatan ini telah wujud sejak awal abad ke-19. **Selaras** dengan itu pelbagai saranan dan langkah telah diambil bagi membendung **kegiatan** tersebut. Tindakan undang-undang merupakan salah satu daripadanya. Namun **begitu** kegiatan ini terus berkembang subur sebelum Perang Dunia Kedua. Hal ini **terbukti** berdasarkan rekod tangkapan dan pendakwaan oleh pihak MAIK. Wujudnya **rumah-rumah** pelacuran dan kes-kes V.D. juga telah membuktikan sememangnya **kegiatan** pelacuran terdapat hampir di setiap jajahan di Kelantan.

⁹³ Lihat, Annual Report Medical Department Kelantan bagi tahun 1930.